

Produk inovasi UMT raih 30 pingat emas

Kuala Nerus: Sebanyak 30 produk penyelidikan dan inovasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) meraih pingat emas pada Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2018 (MPI'18) yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMT, Prof Dr Tengku Sifizul Tengku Muhammad, berkata pingat emas itu dikenangi daripada sejumrah 134 produk penyelidikan UMT yang mengambil bahagian pada pameran itu.

Beliau berkata, lebih membanggakan apabila produk ciptaan kumpulan penyelidik UMT yang diketuai Dr Wan Nural Jannah Wan Yus, iaitu AutoCountME: Auto-Counting

Mosquito Eggs dipilih sebagai pemenang Anugerah Khas MPI'18. "MPI'18 bertemakan 'Memacu Revolusi Industri 4.0 Menerusi Penyelidikan dan Inovasi' dianjurkan UMT dengan kerjasama TATI University College (TATICUC) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)," katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Media UMT, di sini, baru-baru ini.

Tengku Sifizul berharap pencapaian itu akan diteruskan lagi pada masa akan datang dan juga memberikan inspirasi kepada penyelidik muda UMT untuk sentiasa

mencuba sesuatu yang baharu.

Sementara itu, Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, berkata pencapaian hebat pada MPI'18 itu diharap dapat mendorong warga UMT untuk menghasilkan lebih banyak inovasi berkualiti.

"Penyelidik UMT perlu terus berusaha untuk mencungkil idea baharu dan menaikkan nama universiti sebagai gedung ilmu yang menjadi rujukan masyarakat," katanya.

Secara keseluruhannya, UMT berjaya membawa pulang 30 pingat emas, perak (32) dan gangsa (44). Majlis penyampaian hadiah itu disempurnakan EXCO Kerajaan Terengganu, A Latiff Awang.

Idea baharu

Sehubungan itu, Prof Tengku Sifizul berharap pencapaian itu akan diteruskan lagi pada masa akan datang dan juga memberikan inspirasi kepada penyelidik muda UMT untuk sentiasa



A Latiff (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah kepada penyelidik UMT.



Penyelidik UMT menunjukkan produk inovasi yang dihasilkan.